

29 NOV 2001

TENGGU ADNAN PENERUSI BARU BN WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor telah dilantik sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan.

Pelantikan itu bagi tempoh 2001/2003, dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, dalam usaha memantapkan lagi BN Wilayah Persekutuan.

Setiausaha BN Wilayah Persekutuan Datuk Syed Ali Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dalam kenyataan hari ini menyatakan keyakinan bahawa di bawah teraju kepimpinan baru itu, lebih banyak aktiviti dapat dilaksanakan yang mampu menambat hati pengundi menyokong BN.

Syed Ali, yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan dan Ketua UMNO Bahagian Cheras, dilantik memegang jawatan Setiausaha BN Wilayah Persekutuan berkuatkuasa dari 15 Nov.

Pengerusi Penyelaras BN Bahagian yang dilantik pula ialah Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed (Titiwangsa), Datuk Tan Chai Ho (Bandar Tun Razak), Ng Lip Yong (Batu), Dr Tan Kee Kwong (Segambut), Ma Woei Chyi (Kepong), Datuk Michael Chen (Cheras), Lin Kon Win (Seputeh), Dr Lee Chong Meng (Bukit Bintang), Datuk Astaman Abd Aziz (Wangsa Maju), Raja Nong Chik Najmuddin Raja Zainal Abidin (Lembah Pantai) dan Datuk Suhaili Abdul Rahman (Labuan).

Pelantikan tersebut juga bagi tempoh 2001/2003.

-- BERNAMA

CS AHH NMO